

15 SEP 1998

AGONG HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PNG DAN MEXICO

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja`afar menghantar perutusan tahniah kepada Sir Silas Atopare, Gabenor Jeneral Papua New Guinea sempena hari kemerdekaan negara itu.

Menurut kenyataan Wisma Putra di sini, Seri Paduka berharap Sir Silas dan rakyatnya akan terus menikmati kemakmuran dan keamanan pada masa akan datang.

Tuanku Ja'afar turut menghantar perutusan yang serupa kepada Presiden Mexico Dr Ernesto Zedillo Ponce de Leon sempena ulang tahun ke-188 negara itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusannya kepada Perdana Menteri Papua New Guinea, Bill Skate berkata beliau yakin hubungan yang sedia terjalin antara Papua New Guinea dan Malaysia akan terus dipertingkatkan pada masa akan datang.

Kepada Presiden Dr Zedillo Ponce de Leon pula, Dr Mahathir melahirkan keyakinan bahawa Mexico akan terus berkembang maju dan makmur.

"Sambil menyatakan puas hati terhadap hubungan dan kerjasama yang semakin meningkat antara Malaysia dan Mexico, saya juga mengharapkan anda dikurniakan kesihatan dan kesejahteraan. Saya juga menunggu kedatangan anda ke Sidang Kemuncak APEC (Kerjasama Asia Pasifik) November ini," katanya.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi turut menghantar perutusan yang serupa kepada Setiausaha Hubungan Luar Mexico Rozario Green dan Menteri Luar Papua New Guinea Roy Yaki.

-- BERNAMA

HS RHM KHY